



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “HIJRAH MEMBAWA PERUBAHAN UMMAH”

5 Ogos 2022 / 7 Muharram 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ<sup>1</sup>:

﴿ وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَغْمًا كَثِيرًا وَسَعَةً<sup>2</sup> وَمَنْ يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ<sup>3</sup> ثُمَّ يُدْرِكْهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١٠٠﴾

Bermaksud: Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul Nya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Surah an-Nisa' ayat 100)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Ilahi dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Bersempena tahun baru 1444 Hijrah, Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

### “HIJRAH MEMBAWA PERUBAHAN UMMAH”

Tahun baru Islam disambut tidak sekadar dengan bacaan doa akhir tahun dan doa awal tahun, tetapi ummah wajib mengenali dan menghayati semangat hijrah, yang merupakan titik permulaan terbinanya ummah yang bertamadun dan berbudaya tinggi,

<sup>1</sup> Pujian kepada Allah SWT

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



lalu menjadi tenaga penggerak mencemerlangkan Islam di persada dunia. Peristiwa perpindahan Baginda SAW dari kota Mekah ke Madinah, mengandungi hikmah yang sangat besar dalam membawa perubahan kehidupan manusia. Peristiwa tersebut bukan sahaja berjaya membuktikan peribadi hebat para sahabat Ridhwanullahi Alaihim, tetapi Baginda SAW juga berjaya memperkenalkan sistem pemerintahan yang tersusun lagi progresif di Madinah; pemerintahan yang bertunjangkan hukum dan keadilan.

Hijrah menghasilkan kejayaan besar, terbentuknya sebuah negara dan pemerintahan yang melaksanakan syariat Allah, menyerlahkan akhlak mulia masyarakat, memupuk nilai persaudaraan sejagat dalam kalangan warga, membolehkan tersemam subur pepohon ilmu serta tumbuh merendang nilai-nilai intelek, yang menjadi pemangkin terciptanya era kegemilangan Islam. Sayidina Umar ibni Al-Khattab RA meletakkan peristiwa hijrah sebagai batu tanda yang sangat penting dalam sejarah Islam, lalu memperkenalkan takwim Islam mengambil sempena peristiwa tersebut yang dikenali sebagai Tahun Hijriah.

Rasulullah SAW telah melaksanakan sistem pemerintahan yang berjaya membina sebuah negara Islam yang rukun dan makmur. Keyakinan baru berjaya disuntik dalam kalangan penganut Islam yang menjadi tenaga penggerak membangunkan kegemilangan Islam, meletakkan bangsa Arab sebagai bangsa yang dihormati dan digeruni oleh Roma dan Parsi.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Ummah sewajarnya mentafsir secara bijaksana untuk dikaitkan dengan kehidupan hari ini, perkara-perkara yang sangat bermakna yang berlaku susulan peristiwa hijrah.

**Pertama:** Peranan penting masjid. Sebaik tiba di Quba', Baginda SAW mendahulukan membina masjid. Masjid mempunyai peranan yang besar. Kehadiran ke masjid membawa ummah kepada kesempurnaan hubungan dengan Tuhan dan hubungan sesama makhluk. Masjid dirujuk sebagai rumah Allah, tempat paling mulia melakukan ibadah; namun masjid juga ialah pusat masyarakat, tempat yang membolehkan manusia berjumpa setiap hari, menjalinkan silaturahim, dan melaksanakan pelbagai kegiatan, merangkumi penyebaran ilmu, pendidikan, ekonomi dan kemasyarakatan. Jika ummah beramai-ramai hadir memakmurkan masjid, Insyaa-Allah banyak urusan dan masalah harian masyarakat dapat diatasi.



**Kedua:** Persaudaraan mukmin; Baginda SAW mempersaudarakan kaum Muhajirin dari kota Mekah dan kaum Ansar, penduduk asal Madinah. Kesepaduan ikatan persaudaraan ialah kunci untuk melahirkan ummah bertamadun. Menjiwai hal ini, ummah yang telah bersatu atas asas satu akidah, sepatutnya saling mempererat silaturahim, tidak bermusuhan, tidak bertelingkah kerana perkara remeh temeh, tidak berpecah kerana perbezaan fahaman politik, aliran mazhab, atau perbezaan wilayah, negeri serta daerah, atau kerana perbezaan darjat serta darah keturunan.

**Ketiga:** Pemerintahan negara yang bersistematik berlandaskan hukum. Baginda SAW menggubal perlembagaan bertulis sebagai sumber rujukan pemerintahan. Perlembagaan Madinah ialah perlembagaan bertulis yang pertama di dunia. Baginda mentadbir urusan negara berlandaskan hukum; undang-undang tidak dipersendakan, di sebaliknya undang-undang dikuatkuasakan tanpa gentar – tanpa pilih kasih. Setiap orang bertaraf sama di sisi undang-undang. Baginda mempamerkan pentadbiran yang berintegriti, adil dan saksama, serta tidak melakukan penindasan kepada penduduk yang berlainan bangsa, suku kaum dan agama.

**Keempat:** Mentadbir urusan harta dan perbendaharaan negara dengan cekap, telus dan amanah tanpa ada perlakuan menipu, menyeleweng, pecah amanah, rasuah, menyalahgunakan kuasa, atau membina kekayaan diri, keluarga dan kroni hingga berlakunya ketirisan khazanah negara; lalu rakyat menanggung derita kesusahan.

**Kelima:** Baginda SAW berjaya meruntuhkan sistem ekonomi Yahudi ketika itu yang berasaskan riba, monopoli, penindasan, gharar atau tipu daya.

### **Muslimin yang dikasihi**

Ummah perlu melihat peristiwa hijrah melalui lensa yang lebih luas, dihubungkan dengan keadaan dunia semasa. Maal Hijrah hendaklah disambut sebagai detik kita bersedia meninggalkan fahaman lama dan budaya usang, menerima pakai kaedah baru, melakukan perubahan minda, menyahut idea yang lebih rasional; dan melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran pada masa kini. Semangat hijrah hendaklah disuntik untuk berani melakukan pengorbanan dan perubahan, membangunkan minda dan jiwa yang lebih berkualiti, beralih daripada fasa yang kelam ke fasa yang lebih cerah. Baginda SAW bersabda menerusi hadis:



## لَا تَنْقَطِعُ الْهَجْرَةُ حَتَّى تَنْقَطِعَ التَّوْبَةُ وَلَا تَنْقَطِعَ التَّوْبَةُ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا

Bermaksud: Tidak terhenti hijrah selagi tidak terhenti (kesempatan) bertaubat dan tidak terhenti taubat sehinggalah matahari terbit dari barat. (Hadis Riwayat Abu Daud)

Jadikan peristiwa hijrah sebagai iktibar - sebagai panduan untuk bersedia melakukan pengorbanan, dikembarkan dengan niat, yang disusuli azam dan tekad mahu mencapai wawasan dan matlamat baru yang lebih cemerlang. Insya-Allah selagi kita berniat baik - berniat ikhlas, berniat mahu melakukan yang lebih baik atas nama Allah Yang Maha Pencipta, Allah SWT akan mempermudah apa juga usaha yang dirintis.

Ketika melangkah dalam tahun baru 1444 Hijrah, mimbar menyeru ummah mula melakukan beberapa perubahan asas dalam kehidupan harian:

**Pertama:** Gunakan masa sebaik-baiknya, menepati masa dan mengisinya untuk melakukan perkara-perkara yang mendatangkan manfaat, seperti menambah ilmu pengetahuan, meningkatkan kemahiran diri, membaca al-Quran, melakukan amal dan kerja-kerja kebajikan.

**Kedua:** Jadilah insan yang optimis, berkeyakinan tinggi dan tidak mudah putus asa dalam apa jua bidang yang diceburi.

**Ketiga:** Tinggalkan dosa dan maksiat yang biasa dilakukan. Dosa menghitamkan hati, memburukkan kelakuan serta menjadikan diri malas dan tidak proaktif.

**Keempat:** Mengamalkan gaya hidup sihat dan berdisiplin seperti pengambilan makanan berkhasiat dan seimbang, memastikan tubuh mempunyai waktu rehat dan waktu tidur yang diperlukan, serta melakukan riadah setiap hari.

**Kelima:** Memakmurkan rumah-rumah Allah; di samping berperanan sebagai tempat berhimpun bersolat jemaah, masjid diimarahkan dengan turut dianjurkan pelbagai program pendidikan, ekonomi, kemasyarakatan dan riadah.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْفِ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bimbing kami pada tahun 1444 Hijrah dengan semangat perubahan ke arah kehidupan yang lebih baik, kehidupan lebih bermakna untuk diri, agama, bangsa dan negara.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulki!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾

TEKS PENGUMUMAN HARI JUMAAT  
SIJIL PENGAJIAN MASJID (SPM) SESI AKADEMIK 2022/2023

Anjuran: Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak)

*Assalamu'alaykum WBT,*

Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) akan menganjurkan sebuah program iaitu Sijil Pengajian Masjid (SPM), atau *Syahadah ad-Dirasah ad-Diniyyah* yang bakal berlangsung mulai 6 Ogos 2022 ini.

Program ini merupakan sebuah program pengajian berstruktur yang memfokuskan kepada 6 subjek fardhu ain: Aqidah, Fiqh, Tasawwuf, Hadith, Tafsir dan Sirah.

Sepanjang 24 kelas setiap tahun, pelajar akan dibimbing oleh barisan pensyarah yang berkemahiran untuk menelaah dan memperhalusi subjek-subjek ini sesuai dengan sukatan pelajaran yang tersusun. Perbahasan setiap subjek telah diperluaskan sesuai dengan tuntutan dan keperluan semasa, khususnya dalam mendepani cabaran kekeliruan ilmu dan *ghazwatul fikr*.

Sebagai contoh, *Aqidah & Tayyarat Fikriyyah; Fiqh & Usul Fiqh, Fiqh Awlawiyyat, Fiqh Dakwah* dan *An-Nasihah* (bagi tahap Lanjutan); *Tafsir & Ulum al-Quran; Hadith & Mustolah Hadith* dan pelbagai lagi.

Kadar yuran pengajian yang dikenakan juga sangat berbaloi: RM400.00/pelajar untuk keseluruhan 24 kelas/tahun. Justeru, jangan lepaskan peluang keemasan ini!

Sesi baharu akan bermula pada 6 Ogos 2022 ini. Sekiranya berminat, tuan/puan boleh membuat pendaftaran secara dalam talian melalui link yang boleh didapati di laman Facebook rasmi Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak), atau hadir ke Hari Pendaftaran pada 6 Ogos 2022.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 05-2557964 untuk berhubung dengan pegawai kami, atau dapatkan maklumat di Facebook dan Telegram @InfoMasjidNegeriPerak.

*Moh mengaji di masjid!*